

21 AUG 1996  
Mahathir - Pertanian  
KERAJAAN SEDANG SEMAK DASAR PERTANIAN NEGARA

SHAH ALAM, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Dasar Pertanian Negara sedang disemak oleh kerana ia belum mencapai matlamat menghasilkan pendekatan lebih komersil bagi pertanian.

Semakan dasar itu akan mengambil perubahan senario dalam negara yang pesat membangun dalam sektor perindustrian, kata Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan dasar "Revitalising Agriculture and Agro-based Industries in Malaysia" pada Persidangan Asia Pasifik Kedua mengenai Fisiologi Tumbuhan di sini.

Persidangan tiga hari itu anjuran Persatuan Fisiologi Tumbuhan Malaysia dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding semalam.

Para peserta ialah dari Malaysia, Australia, Jepun, India, China, Filipina, Argentina, Singapura, New Zealand, United Kingdom, perancis, Switzerland dan Belanda.

Dr Mahathir berkata selepas empat tahun dilaksanakan, dsasar itu belum mencapai matlamatnya.

Bagaimanapun, Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang dilancarkan pada Mei tahun ini menampakkan strategi lebih jelas bagi pendekatan yang bersifat lebih komersil bagi pertanian, katanya.

RMK7 menyarankan agar sektor swasta memainkan peranan sama rata dan penting dalam pelaksanaannya.

"Tumpuan utama rancangan itu ialah meningkatkan produktiviti melalui penggunaan sumber secara lebih cekap lagi berkesan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata bidang pertanian di Malaysia menghadapi isu-isu struktural dan pengendalian yang perlu diatasi jika sektor ini hendak tumbuh dan maju.

"Cabaran masa kini kepada industri ini harus diatasi dan ditukar menjadi strategi inovatif dan dasar pragmatik jika keperluan makanan, serabut dan tenaga negara hendak dipenuhi," katanya.

Import barangan makanan merupakan penyumbang utama kepada defisit imbalan bayaran semasa negara.

"Dengan masyarakat semakin mewah, keadaan boleh menjadi rumit sebelum ia menjadi bertambah baik," katanya.

Dr Mahathir berkata disebabkan faktor-faktor inilah Rancangan Malaysia Ketujuh menyarankan sektor swasta memulakan, mengurus dan mengendalikan pengeluaran makanan dan produk bernilai tokok secara besar-besaran.

"Satu anjakan paradigma berbentuk kebangkitan semula telah dipelopori bagi memastikan teknik pengurusan moden diperkenalkan bagi menggantikan pekebunan secara kecil-kecilan yang tidak lagi mampu memenuhi keperluan ramai," katanya.

Dr Mahathir berkata sektor pertanian harus membantu menjadikan eksport lebih daripada import serta menjadi sumber pertukaran asing menerusi penggunaan teknologi pemprosesan baru.

Beliau menyarankan agar pemasaran komoditi khususnya produk pertanian dikaji.

Perdana Menteri berkata terdapat arah aliran yang kurang menyenangkan pada masa kerana makanan digunakan sebagai alat tawar-menawar politik dalam arena antarabangsa termasuk penggunaan sekatan perdagangan bagi mendapatkan persetujuan.

"Keadaan menjadi lebih teruk kerana krisis gandum baru-baru ini menunjukkan bagaimana negara-negara membangun begitu bergantung kepada negara maju bagi mendapatkan bekalan makanan masing-masing," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata Dasar Pertanian Negara sedang dikaji semula kerana keadaan sekarang telah berubah dari empat tahun lepas (sejak dasar itu dilaksanakan). "

Beliau berkata kini berlaku kekurangan tenaga kerja manakala tanah semakin kurang, dan oleh itu, dasar itu harus disesuaikan dengan keadaan semasa. --  
BERNAMA

ES FAZ MAI